



**Untuk Siaran Segera
28 September 2026**

ASM 3 ISYTIHAR 5.00 SEN SEUNIT, PENGAGIHAN TERTINGGI DALAM TEMPOH TUJUH TAHUN

*Jumlah pengagihan pendapatan RM1.01 bilion memanfaatkan lebih
800,000 pemegang unit*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3) bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2026.
- ASM 3 mengisytiharkan jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM1.01 bilion, bersamaan 5.00 sen seunit, yang merupakan pengagihan pendapatan tertinggi dana tersebut dalam tempoh tujuh tahun.
- Pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit mencerminkan daya tahan dana dalam menghadapi persekitaran pelaburan yang semakin mencabar dan tidak menentu, serta keupayaannya untuk terus menjana pulangan yang mampan kepada pemegang unit.
- Pemegang unit yang memilih kaedah pembayaran Zakat Khultah (Kelas B) akan menerima dividen bersih selepas potongan zakat sebanyak 2.57%, yang menghasilkan anggaran kadar dividen bersih sebanyak 4.87% berdasarkan kadar pengagihan 5.00% yang diisytiharkan.

Kuala Lumpur, 28 September 2026: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan sebanyak 5.00 sen seunit bagi dana harga tetapnya, Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3), untuk tahun kewangan berakhir 30 September 2026, iaitu pengagihan tertinggi dana tersebut dalam tempoh tujuh tahun.

Jumlah pengagihan pendapatan sebanyak RM1.01 bilion akan memanfaatkan 818,137 pemegang unit yang memiliki 20.97 bilion unit. ASM 3 turut mengatasi penanda arasnya, iaitu kadar Deposit Tetap 12 Bulan Maybank sebanyak 1.99%, dengan lebih prestasi 301 mata asas. Sehingga 23 September 2026, dana tersebut merekodkan pendapatan bersih direalisasikan sebanyak RM1.23 bilion.

Bagi pemegang unit yang memilih kaedah pembayaran Zakat Khultah (Kelas B), kadar pengagihan 5.00% yang diisytiharkan akan menghasilkan kadar dividen bersih terlaras sebanyak 4.87%. Kaedah ini menyediakan cara yang mudah dan automatik

untuk menunaikan kewajipan zakat, di samping menyokong kemampanan pelaburan jangka panjang.

Dana ini mencatatkan pengagihan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak 5.00 sen seunit bagi tahun kewangan semasa, berbanding 4.75 sen seunit pada tahun sebelumnya, mencerminkan prestasi berdaya tahan dalam persekitaran pelaburan global yang mencabar, yang dicirikan oleh ketidaktentuan kadar faedah, ketegangan geopolitik yang meningkat serta volatiliti pasaran yang berterusan.

Prestasi ini disokong oleh pengurusan portfolio yang berdisiplin, pengurusan risiko yang berhemat serta penempatan pelaburan secara terpilih dalam sektor dan tema yang mempunyai potensi pertumbuhan struktur yang kukuh. Pendekatan ini membolehkan dana terus menjana pulangan yang mampan kepada pemegang unit meskipun berdepan keadaan pasaran yang sentiasa berubah.

Pendapatan dana disokong oleh keuntungan direalisasikan, pendapatan dividen serta sumber pendapatan lain daripada portfolio pelaburan yang pelbagai merangkumi pasaran domestik dan antarabangsa. Pada masa yang sama, peruntukan aset merentasi instrumen pendapatan tetap, hartanah dan pelaburan persendirian telah menyumbang kepada kepelbagaian sumber pendapatan serta memperkukuh daya tahan portfolio dalam menghadapi perubahan persekitaran pasaran.

Strategi pelaburan ASM 3 yang dipelbagaikan kekal sebagai kekuatan utama dana, membolehkannya merebut peluang pelaburan merentasi pelbagai sektor dan pasaran, sambil terus mengekalkan fokus untuk memberikan nilai jangka panjang yang konsisten kepada pemegang unit.

Memperkasa Rakyat Malaysia Melalui Pelaburan Jangka Panjang

Unlock ASM 3

Kempen Unlock ASM 3 sedang berlangsung sehingga 31 Disember 2026, dengan menawarkan akses eksklusif kepada pelabur baharu untuk melabur dalam ASM 3 menerusi aplikasi myASNB.

Pelanggan yang layak, berjaya melengkapkan proses pengesahan pelanggan secara elektronik, atau e-KYC, dan membuat pelaburan pertama dalam ASM 3 menggunakan kod promosi UNLOCK2, berpeluang menikmati peruntukan kuota khas sehingga RM10,000. Tawaran ini tertakluk pada ketersediaan unit dan diberikan berdasarkan prinsip siapa cepat, dia dapat.

Peluang Memiliki Unit ASM melalui Pakej Penyelesaian Perancangan Kewangan (FPSP) 2026

ASNB turut meneruskan usaha menggalakkan pembinaan kekayaan jangka panjang menerusi Pakej Penyelesaian Perancangan Kewangan 2026, yang menggabungkan dana harga tetap dan dana harga berubah dalam satu pakej pelaburan. Pakej ini direka untuk membantu pelabur mempelbagaikan portfolio berdasarkan matlamat kewangan masing-masing.

Pelabur boleh memperoleh akses kepada peruntukan sehingga 40% dalam ASM, dilengkapi dengan dana harga berubah ASNB terpilih. Pakej ini menawarkan peluang kepada pelabur untuk mengimbangi kestabilan dan potensi pertumbuhan dalam usaha membina kekayaan untuk jangka panjang.

Pengiraan Pengagihan Pendapatan dan Penangguhan Urus Niaga

Pengiraan pengagihan pendapatan ASM 3 adalah berdasarkan purata baki bulanan minimum yang dipegang sepanjang tahun kewangan dana. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik sebagai unit tambahan ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Oktober 2026.

Bagi memudahkan proses pengiraan pengagihan pendapatan, urus niaga ASM 3 di semua cawangan dan ejen ASNB, termasuk saluran dalam talian dan perbankan internet, telah ditangguhkan sementara dari 27 hingga 30 September 2026.

Pemegang unit boleh meneruskan urus niaga melalui portal myASNB, aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara bermula 1 Oktober 2026.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM360 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) sebanyak 300 bilion unit daripada lebih 17 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Amanah Saham Malaysia 3 (ASM 3)

ASM 3 ialah dana harga tetap yang dilancarkan pada 5 Ogos 2009. Ia merupakan dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang mempunyai jangka masa pelaburan sederhana hingga panjang, memahami hubungan kait antara risiko dan pulangan, serta mengharapkan pendapatan tetap (jika ada) untuk pelaburan mereka.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2026
Dana Harga Tetap



ASM 3



Jumlah pengagihan

5.00
sen seunit

Kadar pengagihan pendapatan selepas
Zakat (Kelas B)

4.87 sen
seunit

Nota:

Kelas A: Semua pemegang unit dana harga tetap sedia ada secara automatik dalam kelas A. Pemegang unit akan menerima pengagihan secara penuh, tanpa sebarang potongan zakat.


Kelas B: Bagi pemegang unit Muslim yang memilih untuk menerima pengagihan pendapatan selepas potongan zakat.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2026
Dana Harga Tetap

Mengatasi pulangan kadar deposit tetap sebanyak
3.01%, prestasi terbaik dalam tempoh 7 tahun



Nota: Graf ini hanya memaparkan prestasi bagi tiga tahun terkini (2024 - 2026)

*Kadar Purata Deposit Tetap 12-Bulan Maybank sehingga 23 September 2026

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Pengagihan Pendapatan

Tahun Kewangan Berakhir 30 September 2026
Dana Harga Tetap

Formula pengiraan kadar pengagihan
pendapatan kelas B

$$\text{Kadar agihan} - \left(\text{Kadar zakat} \times \text{Kadar agihan} \right) = \text{Kadar agihan Kelas B}$$

Pengiraan kadar pengagihan pendapatan
bagi ASM 3 untuk kelas B

$$5.00\% - \left(2.57\% \times 5.00\% \right) = 4.87\%$$

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Induk Tambahan Kedua bertarikh 1 April 2023, Prospektus Induk Tambahan Ketiga bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus Tambahan Kedua ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Ketiga ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021, Prospektus Tambahan Pertama ASN Equity Global bertarikh 1 April 2023, Prospektus Tambahan Kedua ASN Equity Global bertarikh 1 Disember 2023, Prospektus ASN Sukuk bertarikh 25 November 2022, Prospektus Tambahan Pertama ASN Sukuk bertarikh 1 April 2023 dan Prospektus Tambahan Kedua ASN Sukuk bertarikh 1 September 2024 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("SC"). Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.